



PERMOHONAN KEMASUKAN PROGRAM MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SESI 2017/2018

1. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia menawarkan dua (2) jurusan dan satu (1) aliran:-
- Jurusan Sains
- Jurusan Perakaunan
- Aliran Teknikal

2. SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- 2.1 Pemohon mesti berumur tidak melebihi 20 tahun pada 1 Januari 2017.
2.2 Pemohon mesti mendaftar mata pelajaran berikut dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2016.

a. Jurusan Sains

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Kimia dan salah satu mata pelajaran berikut iaitu Fizik atau Biologi.

b. Jurusan Perakaunan

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Matematik Tambahan. Pemohon juga perlu mengambil mana-mana dua (2) mata pelajaran berikut:

Prinsip Perakaunan / Ekonomi Asas / Perdagangan / Pengajian Keusahawanan / Sains / Sains Tambahan / Fizik / Kimia / Biologi / Pengajian Kejuruteraan Awam / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Teknologi Kejuruteraan / Lukisan Kejuruteraan.

c. Aliran Teknikal

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Kimia, Fizik dan satu (1) daripada mata pelajaran berikut:

Prinsip Perakaunan / Ekonomi Asas / Perdagangan / Pengajian Keusahawanan / Biologi / Pengajian Kejuruteraan Awam / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Teknologi Kejuruteraan / Lukisan Kejuruteraan / Rekapipta / Sains Pertanian / Asas Kelestarian / Teknologi Maklumat dan Komunikasi / Sains Komputer / Grafik Komunikasi Teknikal / Pengajian Agroteknologi.

3. SYARAT KELAYAKAN MINIMUM PROGRAM MATRIKULASI SATU TAHUN (PST)

Memperoleh sekurang-kurangnya keputusan berikut dalam peperiksaan SPM 2016

Jurusan Sains

- C Bahasa Melayu
 - C Bahasa Inggeris
 - B Matematik
 - C Matematik Tambahan
 - C Kimia
 - C dalam satu (1) daripada mata pelajaran berikut:
 - Fizik
 - Biologi
- *Lulus Sejarah

Jurusan Perakaunan

- C Bahasa Melayu
 - C Bahasa Inggeris
 - C Matematik
 - C Matematik Tambahan
 - C dalam dua (2) daripada mata pelajaran berikut:
 - Prinsip Perakaunan / Ekonomi Asas / Perdagangan / Pengajian Keusahawanan / Sains / Sains Tambahan / Fizik / Kimia / Biologi / Pengajian Kejuruteraan Awam / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Teknologi Kejuruteraan / Lukisan Kejuruteraan.
- *Lulus Sejarah

Aliran Teknikal

- C Bahasa Melayu
- C Bahasa Inggeris
- B Matematik
- C Matematik Tambahan
- C Fizik
- C dalam satu (1) daripada mata pelajaran berikut:
 - Prinsip Perakaunan / Ekonomi Asas / Perdagangan / Pengajian Keusahawanan / Biologi / Pengajian Kejuruteraan Awam / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Teknologi Kejuruteraan / Lukisan kejuruteraan / Rekapipta / Sains Pertanian / Asas Kelestarian / Teknologi Maklumat dan Komunikasi / Sains Komputer / Grafik Komunikasi Teknikal / Pengajian Agroteknologi.
- D Kimia
- Lulus Sejarah

4. CARA PERMOHONAN

Pemohonan Melalui Internet

- a. Pemohon boleh membeli No. Pengenal Individu (NPI) 5 digit di mana-mana kaunter BSN dengan bayaran RM6.00 (Ringgit Malaysia Enam Sahaja) tidak termasuk GST dengan menggunakan No. Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan yang digunakan untuk mendaftar masuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2016 dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).
- b. Sebelum meninggalkan kaunter sila pastikan menerima resit bayaran yang tercetak :
 - i. bayaran telah dibuat atas nama "Pengaruh Bahagian Matrikulasi" ke nombor akaun 1410 0290 0021 1897
 - ii. No Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan yang sama seperti mendaftar masuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2016 dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).
 - iii. No. Pin 5 digit
- c. Pemohon juga boleh membuat bayaran Pemohonan Melalui Internet (PMI) di mesin ATM BSN (bagi pemegang akaun GIRO / Wadiah BSN sahaja). Sila ikut arahan di skrin mesin ATM tersebut.
- d. NPI digunakan untuk mengemukakan permohonan Program Matrikulasi dan juga untuk membuat pindaan atau pembetulan butiran permohonan. NPI ini hendaklah dirahsiakan.
- e. Pemohon dikehendaki memasukkan nombor kad pengenalan atau nombor dokumen pengenalan dan diikuti dengan NPI untuk membuat permohonan.
- f. Pemohon yang terlupa atau hilang NPI boleh mendapatkan nombor PIN tersebut dengan membayar RM6.00 (Ringgit Malaysia Enam Sahaja) tidak termasuk GST di mana-mana kaunter BSN.
- g. Pemohonan Program Matrikulasi boleh dibuat melalui internet dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia <http://www.moe.gov.my> mulai 01 Julai hingga 30 November 2016.
- h. Baca dan fahami Panduan (PMI) yang terdapat dalam laman sesawang tersebut.
- i. Setelah selesai mengisi maklumat dalam PMI, sila klik butang "HANTAR" dan sila cetak halaman yang mempunyai no. rujukan sebagai bukti penghantaran permohonan.
- j. Tarikh tutup permohonan ialah pada 30 November 2016.

5. SEMAKAN

- a. Pemohon boleh membuat semakan untuk mengemas kini maklumat pada awal Februari 2017.
- b. Untuk semakan keputusan permohonan pemohon boleh melayari laman sesawang <http://www.moe.gov.my> pada bulan April 2017 dengan menggunakan No. Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan yang berdaftar dengan LPM.